

06/04/1997

Che Det tidak mudah putus asa

LANGKAWI: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Nombor 18, Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star pada zaman remaja, dikenali sebagai seorang yang bersemangat tinggi dan pantas melakukan tugasnya.

Dr Mahathir dikenali di kalangan keluarga dan rakannya sebagai seorang yang sentiasa berusaha melakukan sesuatu perkara sehingga berjaya meskipun menempuh pelbagai rintangan.

Menurut kakak Perdana Menteri, Habsah Mohamad yang berusia 80-an, Dr Mahathir ketika kecil sentiasa cuba melakukan sesuatu yang dianggap sukar sehingga membolehkannya mencapai kejayaan dalam bidang perubatan di King Edward The Seventh, College of Medicine, Universiti Malaya di Singapura pada 1953.

Beliau berkata, kejayaan Dr Mahathir dalam bidang pendidikan banyak didorong oleh bapa mereka, Mohamad Iskandar yang bertugas sebagai guru di Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Star.

"Adik saya (Dr Mahathir) ketika kecil memang suka belajar.

"Kalau ada orang kata tidak boleh buat, dia kata kenapa tidak boleh buat?" katanya pada majlis Pengisahan Zaman Remaja Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anjuran bersama Galeria Perdana, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Arkib Negara di Kompleks Lada, di sini semalam.

Majlis yang dipengerusikan oleh Penasihat Galeria Perdana, Datuk Zakiah Hanum itu turut disertai tiga rakan Dr Mahathir, Osman Bakar, 75, Hussein Abdul Rahman dan Mustafa Ismail, 79.

Ia dirasmikan Pengurus Besar Lada, Datuk Abdul Halil Abdul Mutalib.

Sementara itu, Osman yang mula bersahabat dengan Dr Mahathir ketika menuntut di Sekolah Inggeris Kerajaan di Alor Star (Kolej Sultan Abdul Hamid atau KSAH), berkata Perdana Menteri menyertai pasukan pemadam api dan mewakili sekolah dalam sukan ragbi.

Beliau berkata, Dr Mahathir pada zaman pendudukan Jepun pernah menjual kuih, air kopi dan halia di Pekan Rabu, Alor Star, bersamanya.

"Saya sering membaca buku di rumah Dr Mahathir yang saya panggil sebagai Che Det.

"Ketika kami membaca, bapa beliau sering membetulkan sebarang kesilapan kami," katanya.

Menurut Osman, beliau dan Dr Mahathir menentang Malayan Union dengan menulis poster mengecam British dan menampalnya di pokok sepanjang jalan dari Alor Star ke Simpang Kuala.

Sementara itu, Hussein berkata, beliau lebih banyak mengenali Dr Mahathir ketika menuntut di KSAH dan terputus hubungan apabila Perdana Menteri melanjutkan pengajian di Universiti Malaya di Singapura.

"Perdana Menteri yang saya kenali ialah seorang yang kurang bercakap dan apabila bercakap tidak suka bercakap perkara yang karut-karut," katanya.

Seorang lagi ahli panel, Mustafa berkata, tindakan Dr Mahathir meletak jawatan sebagai doktor di Hospital Alor Star untuk membuka klinik miliknya di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Star sebagai menggambarkan kejituan semangatnya untuk terus maju.

(END)